

# MUET bukan sekadar ujian

## Bantu graduan mendepani dunia kerjaya

**M**UET bukan sekadar dilihat berkepentingan sebagai 'alat' untuk dijadikan prasyarat kemasukan ke universiti semata-mata, sebaliknya ia berfungsi lebih daripada itu. Selain memberi impak kepada kebolehpasaran graduan, MUET turut membantu mahasiswa dalam mendepani dunia kerjaya profesional pelbagai bidang kelak.

Menurut Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Sallehudin Abd Aziz, cadangan Kementerian dalam meneruskan ujian MUET sebagai prasyarat kemasukan ke IPT tempatan adalah satu tindakan yang tepat dan wajar.

Ini kerana ujian tersebut mempunyai konstruk ujian yang berbeza dan tahap penguasaan bahasa Inggeris mahasiswa dapat dinilai dan seterusnya menentukan 'arah' kesesuaian kursus yang sepatutnya diambil mengikut syarat ditetapkan oleh pihak fakulti dan universiti.

"Pengambilan ujian MUET ini hanya untuk mahasiswa atau calon yang ingin memohon memasuki IPT di Malaysia yang mengikuti program ijazah pertama sahaja. Bagi yang hendak melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, STPM, Asasi, Matrikulasi dan sebagainya, mereka tidak perlu ambil ujian MUET."

"Selepas tamat pengajian di peringkat prauniversiti dan jika mahasiswa bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, barulah wajib ambil ujian ini," katanya.

Mulai 2012, ujian MUET dijalankan sebanyak tiga kali setahun iaitu pada Mac, Julai dan November. Terdapat empat ujian dalam MUET iaitu *Listening* (45 markah), *Speaking* (45 markah), *Reading* (120 markah) dan *Writing* (90 markah) menjadikan jumlah keseluruhan adalah 300 markah.

### Kebolehpasaran graduan

Akui Dr Mohd Sallehudin berkata, pencapaian rendah di peringkat MUET boleh memberi impak kepada kebolehpasaran graduan kelak. Sudah tentu majikan di luar sana mahu mencari pekerja yang mempunyai kelebihan dari segi penguasaan bahasa Inggeris apatah lagi apabila melibatkan urusan kerja bertatar belakangkan pelbagai bangsa.

"Salah satu punca kenapa graduan kita tidak mendapat pekerjaan adalah disebabkan penguasaan bahasa Inggeris mereka yang rendah. Berdasarkan satu kajian yang dilakukan, sebanyak 33 peratus graduan kelahiran IPT tempatan tidak mendapat pekerjaan kerana tidak boleh menguasai bahasa tersebut dengan baik semasa proses temu duga. Ini amat merugikan!"



"Pengambilan ujian MUET ini hanya untuk pelajar atau calon yang ingin memohon memasuki IPT di Malaysia yang mengikuti program ijazah pertama bahasa Inggeris yang hendak melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma, STPM, Asasi, Matrikulasi dan sebagainya, mereka tidak perlu ambil ujian MUET."

Prof Madya Dr Mohd Sallehudin Abd Aziz (UUM)



MAHASISWA perlu perbaiki kelemahan agar dapat bersaing dalam dunia pekerjaan. (Gambar sekadar hiasan)

"Ini menunjukkan bahawa, pasaran kerja di luar sana sangat mementingkan kemahiran bahasa Inggeris dan sekiranya mahasiswa tidak menyahut dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan ini, agak sukar untuk mereka bersaing bagi mendapatkan pekerjaan yang diinginkan," katanya.

Selain MUET yang diguna sedia ada, *Muet on Demand (MoD)* telah diperkenalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia berdasarkan permintaan pemohon yang mana keputusan peperiksaan bakal diperolehi selepas tempoh 3 minggu peperiksaan dijalankan. Kadar bayaran adalah berbeza. Bayaran untuk MUET RM100 manakala untuk MoD dikenakan sebanyak RM250.

### Peranan universiti

Syarat MUET untuk memasuki universiti adalah dengan memperoleh Band MUET pada tahap-tahap dan berdasarkan kursus-kursus tertentu. Namun begitu, ia bergantung kepada autonomi yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Untuk kursus pengajian Sastera dan Sains Sosial, syaratnya adalah Band 2, manakala syarat pengijazahan adalah Band 3; bagi pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah Band 3 dan syarat pengijazahan adalah Band 4, manakala pengajian

Undang-undang dan Perubatan adalah Band 4 dan syarat pengijazahannya adalah Band 5. Namun, hanya tertakluk kepada keputusan senat universiti.

Syarat kemasukan dan syarat pengijazahan dinaikkan sekurang-kurangnya Band 2 dan Band 3. Paling mencabar adalah bagi mahasiswa jurusan perubatan dan undang-undang iaitu Band 4 untuk kemasukan dan Band 5 untuk pengijazahan.

"Meletakkan syarat pengijazahan sedemikian merupakan satu langkah positif kerana pelajar secara teorinya akan lebih serius berhadapan dengan isu penguasaan bahasa ini, namun kita faham dengan kekangan yang mahasiswa dan universiti hadapi."

"Kita tidak boleh menafikan bahawa kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sememangnya menjadi kemestian dalam berhadapan dengan dunia kerjaya profesional dalam pelbagai bidang. Sudah tentu dalam proses menguasai bahasa ini, lebih-lebih lagi komunikasi memerlukan latihan praktikal di samping kemampuan menguasai teknik bahasa yang betul."

"Bagi merealisasikan hal ini, di UKM sendiri, kami menganjurkan pelbagai program dan latihan bahasa Inggeris yang bertujuan memberikan lebih ruang ekosistem bahasa dan peluang kepada mahasiswa menguasai bahasa Inggeris. Melalui pendekatan ini, diharapkan mampu membantu mahasiswa menguasai asas penting agar dapat memperbaiki dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan lebih baik," katanya.

### Info pemarkahan Band MUET:

Band 1 (Jumlah markah bawah 100)	Penguasaan bahasa yang lemah.
Band 2 (Jumlah markah 101-130)	Penguasaan bahasa yang terhad, kurang kefahaman.
Band 3 (Jumlah markah 140-170)	Penguasaan bahasa yang sederhana.
Band 4 (Jumlah markah 180-210)	Penguasaan bahasa yang memuaskan.
Band 5 (Jumlah markah 220-250)	Penguasaan bahasa yang bagus.
Band 6 (Jumlah markah 260-300)	Penguasaan bahasa yang sangat bagus.

## APA KATA ANDA? MUET DIADIKAN PRASYARAT KE IPT

"Saya bersetuju ujian MUET diteruskan sebagai prasyarat untuk masuk ke IPT kerana ini merupakan langkah persiapan awal bagi pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris secara mendalam sebagai seorang mahasiswa dan mahasiswi pada masa akan datang."

- Mohamad Shafiq Akmal Ab Razak  
Fakulti Pengurusan Pelancongan,  
Hospitaliti dan Acara, Universiti  
Utara Malaysia (UUM)



"Sangat wajar ujian MUET diteruskan kerana ia dapat memberi pendedahan awal mengenai bahasa Inggeris dengan lebih mendalam kerana hampir semua subjek di IPTA menggunakan bahasa ini sebagai bahasa pengantar."

- Corina Kelinah Anak Luat  
Fakulti Komunikasi, Teknologi &  
Multimedia, Universiti Utara  
Malaysia (UUM)



"MUET wajar kekal sebagai salah satu prasyarat untuk memasuki universiti. Hal ini kerana, bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang dituturkan oleh majoriti penduduk di dunia. Dalam konteks pendidikan, bahasa Inggeris banyak digunakan dalam mata pelajaran seperti Pengantar Pengurusan dan Pengantar Perniagaan."

- Wan Mohamed Harrith  
Wan Abdul Aziz  
Sarjana muda Pengurusan  
Teknologi, Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

